

BAHASA RETORIK SEBAGAI STRATEGI PENYAMPAIAN KHUTBAH JUMAAT DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Rhetorical Language as a Strategy in the Delivery of Friday Sermon in Brunei Darussalam)

Haziq Aisha

haziqaisha4295@gmail.com

Program Bahasa Melayu dan Linguistik, Universiti Brunei Darussalam,
Gadong BE1410, Brunei Darussalam.

Rujukan makalah ini (To cite this article): Haziq Aisha. (2023). Bahasa retorik sebagai strategi penyampaian khutbah Jumaat di Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 65–90. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no3](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no3)

Peroleh: <i>Received:</i>	19/6/2022	Semakan: <i>Revised</i>	1/9/2022	Terima: <i>Accepted:</i>	25/1/2023	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	18/4/2023
------------------------------	-----------	----------------------------	----------	-----------------------------	-----------	--	-----------

Abstrak

Penggunaan bahasa retorik dalam bidang penulisan dakwah dapat memberikan pengaruh dan kesan tertentu kepada masyarakat secara komprehensif. Oleh itu, pemilihan unsur retorik perlu dititikberatkan oleh penulis teks khutbah untuk menghasilkan wacana dakwah yang berkualiti. Hal ini bukan sahaja dapat menjamin keberkesanan dakwah yang disampaikan, malah mampu merealisasikan setiap objektif yang ditetapkan oleh institusi keagamaan, khususnya dalam penyelarasaran teks khutbah Jumaat yang disampaikan antara bulan Mac hingga Mei 2022. Kajian ini dilakukan untuk mengidentifikasi penerapan bahasa retorik dalam teks khutbah Jumaat oleh institusi keagamaan di Negara Brunei Darussalam dengan berpandukan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993). Kajian ini juga menganalisis dan membincangkan peranan dan fungsi penanda retorik tersebut yang dianggap sebagai strategi dakwah yang berkesan. Menerusi kajian ini, didapati bahawa institusi keagamaan di negara ini telah memanfaatkan penggunaan bahasa retorik sebagai strategi utama dalam penyampaian teks khutbah Jumaat dengan mengaplikasikan beberapa teknik, iaitu pendedahan, penerangan, pemujukan dan penghujahan. Kesimpulannya, keberhasilan penyampaian butiran

dakwah kepada masyarakat bergantung pada kebijaksanaan dalam penggunaan bahasa supaya perkara yang ingin disampaikan dapat disalurkan dengan mudah dan jelasnya.

Kata kunci: Khutbah Jumaat, bahasa retorik, strategi, estetik, dakwah, pengaruh

Abstract

The use of rhetorical language in da'wah writing has a certain influence and effect on the society comprehensively. Thus, the selection of rhetorical words needs to be emphasized by the sermon writer in the effort to produce quality da'wah discourse. This not only guarantees the effectiveness of the da'wah delivered, but it is also able to realize every objective outlined by the religious institution, especially in the coordination of Friday sermon text production delivered from March to May 2022. This study was done to identify the application of rhetorical language that was utilized in the production of Friday sermon texts by the religious institutions in Brunei Darussalam, with the guidance of modern rhetorical theory by Enos and Brown (1993). This study also analyzes and discusses the role and functions of the rhetorical markers that are considered as an effective da'wah strategy. Through this study, it is found that the religious institutions in this country have utilized the use of rhetorical language as the main strategy in the delivery of Friday sermon texts by applying several rhetorical writing techniques, namely exposition, description, persuasion and argumentation. In conclusion, the success in delivering da'wah discourse to the community relies on wisdom in the use of language so that the topic to be delivered is done so easily and more clearly.

Keywords: Friday sermon, rhetorical language, strategy, aesthetics, da'wah, influence

PENGENALAN

Setiap usaha pemujukan secara lisan atau penulisan dalam bidang tertentu memerlukan individu yang mahir menggunakan bahasa tertentu supaya setiap agenda dan topik pembicaraan yang dikemukakan mendapat

sambutan yang menggalakkan dan dipersetujui oleh pendengar. Oleh itu, penggunaan bahasa retorik berperanan penting dalam penentuan keberhasilan usaha tersebut (Israr, 1993:34). Hal ini bererti, yang perlu dititikberatkan bukan sahaja idea atau gagasan yang ingin disampaikan, malah pemilihan dan penggunaan kata yang berunsur retorik perlu dimanfaatkan dengan kreatifnya. Hal ini penting supaya apa-apa juga yang ingin disampaikan dapat difahami dan mampu mempengaruhi minda, emosi dan sikap pendengar. Di samping itu, kata yang berunsur retorik menggambarkan penggunaan bahasa yang mampu memberikan pengaruh dan kesan tertentu kepada masyarakat selaku pendengar (Dewi, 2022:24). Hal ini selaras dengan ciri khas retorik, iaitu mengutamakan unsur keindahan, menjamin kualiti yang memuaskan dan mencerminkan keintelektualan secara komprehensif (Amida, 2015:125). Penggunaan bahasa retorik telah berkembang pesat dalam pelbagai bidang lain (Hashim Fauzy, 2001:261), khususnya dalam proses penyebaran dakwah melalui teks khutbah Jumaat.

Sehubungan dengan itu, cabaran utama penulis teks khutbah adalah untuk memastikan teks tersebut dapat disampaikan dengan menarik dan jelasnya, serta mampu mempengaruhi emosi dan minda pendengar. Menurut Burhanuddin dan Erwin seperti yang dinyatakan dalam Mohd Hilmi et al. (2013:2), perkara ini bertepatan dengan pesanan nabi Muhammad dari aspek penyampaian isi khutbah yang berkesan. Aspek tersebut ialah ketelitian dan ketelusan dalam penyediaan isi teks, penggunaan bahasa yang menarik, teknik penyampaian dan tempoh penyampaian khutbah. Oleh itu, perkara yang ingin disampaikan di atas mimbar perlu diolah dengan kata dan ayat yang sesuai, kreatif dan dipercayai. Hal ini penting supaya setiap butiran dakwah yang disampaikan boleh diterima dan difahami oleh jemaah dengan mudahnya dan berkesan.

PERNYATAAN MASALAH

Penyebaran dakwah melalui mimbar khutbah ialah pendekatan holistik untuk mengukuhkan ketakwaan terhadap Allah dan membentuk sahsiah umat Islam. Kewujudannya sebagai rukun bagi menyempurnakan fardu solat Jumaat menekankan pelbagai aspek kehidupan masyarakat Islam yang merangkumi tiga faktor utama, iaitu perpaduan ummah, mendisiplinkan diri agar sentiasa bijak ketika menilai sesuatu, menghargai peluang yang ada, serta menjadi medium pendidikan duniaawi dan ukhrawi secara berterusan (Muhammad Tanwir, 2017:51). Sehubungan dengan

itu, aspek penghasilan dan penyampaian khutbah perlu dititikberatkan untuk menyerlahkan peranan dan fungsinya agar setiap butiran yang ingin disampaikan dapat mencapai objektif yang dihasratkan.

Dalam pada itu, penggunaan bahasa retorik dalam wacana khutbah dilihat sebagai suatu strategi yang berkesan bagi mempengaruhi fikiran dan tindakan pendengarnya. Hal ini bertepatan dengan pendefinisian bahasa retorik itu sendiri, iaitu suatu seni penggunaan bahasa bagi mendapatkan kesan yang maksimum (Amida, 2015:1). Dalam usaha menghasilkan wacana dakwah yang berkualiti dan berwibawa, bahasa yang digunakan perlulah menarik dan mampu mempengaruhi orang lain. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan bahasa retorik merupakan alternatif terbaik bagi melahirkan wacana khutbah yang berkesan, serta mampu mempengaruhi minda dan tindakan pendengarnya (Dewi, 2022:25).

Oleh hal yang demikian, kajian ini menghuraikan dua persoalan. Pertama, jenis retorik yang diterapkan dalam proses penghasilan wacana khutbah. Kedua, cara penggunaan bahasa tersebut dimanfaatkan sebagai strategi utama yang memangkinkan penyampaian wacana dakwah yang berkesan. Di samping itu, dua objektif yang mendasari kajian ini ialah pengenalpastian penanda retorik yang diterapkan dalam teks khutbah Jumaat dengan berpandukan definisi dan pengkategorian yang dikemukakan oleh Enos dan Brown (1993), serta mengupas kepelbagaiannya peranan dan fungsi penggunaan bahasa retorik dalam wacana khutbah di Negara Brunei Darussalam.

KHUTBAH

Istilah khutbah dari segi bahasa difahami melalui kata *khataba*, *yakhtubu* atau *wa'adza* yang bermaksud berpidato (Usman, 1995:2). Terdapat beberapa definisi yang diketengahkan oleh sarjana bagi menjelaskan istilah khutbah yang sebenar, seperti penyampaian maklumat bagi tujuan tertentu (Usman, 1995:2). Khutbah juga merupakan alat dakwah yang menjelaskan persoalan atau permasalahan tertentu dengan butiran yang sahih bagi memberikan kepuasan kepada pendengarnya (Muhammad Tanwir, 2017:18), serta bertujuan untuk menyampaikan nasihat dan pendidikan yang komprehensif (Japar, 2004:2).

Menurut Nor Idayu dan Nizar (2011:23–25), antara fungsi penyampaian khutbah Jumaat termasuklah untuk mendedahkan isu semasa yang berlaku, khususnya perkara yang berkait erat dengan masyarakat Islam secara umum, dan memberikan pelbagai inisiatif dalam aspek mendekatkan diri kepada Allah. Khutbah juga berfungsi untuk menyatukan masyarakat dengan

butiran dakwah yang disampaikan dengan menekankan aspek perpaduan dan berkasih sayang. Khutbah dapat memberikan ilmu pengetahuan dan pengajaran yang bermanfaat, serta kesedaran kepada umat Islam dengan teguran dan nasihat yang sentiasa relevan dan positif.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa definisi khutbah yang lebih telus ialah seni pengucapan awam yang bertujuan untuk menyampaikan butiran dakwah yang sentiasa menyeru manusia untuk bertakwa dan menjauhi perkara mungkar, serta melaksanakannya mengikut rukun dan syarat yang telah ditentukan dalam Islam (Irfan, 2021:13). Ulama fiqh bersepakat bahawa terdapat kelebihan tertentu yang membezakan khutbah daripada alat dakwah dan media massa yang lain. Pertama, bagi memperkuuh jalinan persaudaraan dalam Islam. Kedua, menjadi saranan pendidikan duniawi dan ukhrawi. Ketiga, sebagai alat dakwah yang membimbing akal dan hati agar lebih bijak dan berdisiplin dalam setiap perkara yang dilakukan (Muhammad Tanwir, 2017:51).

RETORIK

Menurut Asmah (1988:3), retorik didefinisikan sebagai suatu ungkapan yang disampaikan secara estetik bagi mempengaruhi fikiran orang lain, serta mampu memberikan kesan positif kepada mereka. Retorik juga difahami sebagai suatu seni penggunaan bahasa bagi memujuk orang lain agar bersetuju dengan perkara yang disampaikan (Lim, 2007:2). Oleh itu, ilmu retorik merupakan suatu alternatif terbaik dalam bidang komunikasi bagi mempengaruhi fikiran dan tindakan orang lain dengan menyerlahkan kebijaksanaan dalam penggunaan bahasa tertentu (Dewi, 2022:25).

Menurut Enos dan Brown (1993:45), retorik baharu cenderung untuk menganalisis penggunaan bahasa dalam pelbagai aspek penulisan yang terdiri daripada teknik retorik, seperti ekspositori, ekspresi, persuasi dan unsur kebahasaan yang lain. Pencerakinan ini selanjutnya diperhalusi oleh sarjana dalam bidang penulisan wacana yang turut dirujuk dalam pengembangan teori dan analisis dalam kajian ini, iaitu Dalman (2012:93–153) dan Mohd Sidin (1999:3–35). Dalam kedua-dua penulisan yang dimaksudkan tersebut, teknik penulisan retorik dibahagikan kepada lima jenis, iaitu pendedahan (eksposisi), penerangan (deskriptif), pemujukan (persuasif), penceritaan (naratif) dan penghujahan (argumentatif). Teknik penulisan retorik berkenaan didefinisikan seperti yang berikut;

1. Teknik pendedahan bermaksud sesuatu usaha yang dilakukan oleh individu tertentu untuk mendedahkan, membuka, menghuraikan, menyingkap

atau menunjukkan sesuatu perkara agar orang lain atau pendengar dapat mengetahui dengan jelasnya, seterusnya memahami perkara yang ingin disampaikan (Mohd Sidin, 1999:3).

2. Teknik penerangan berasal daripada kata Latin iaitu, *descrivere* yang bermakna untuk menulis atau mengilustrasikan sesuatu dengan jelas dan terperincinya (Mohd Sidin, 1999:8). Pada peringkat ini, penulis akan melakukan usaha yang berbentuk penjelasan terhadap sesuatu subjek yang dibicarakan dengan tersusun dan terperincinya sehingga dapat memberikan gambaran yang jelas, serta sensasi yang tepat, selain boleh dibayangkan dan dirasai oleh pendengar atau pembaca (Nor Azuwan et al., 2018:10).
3. Teknik pemujukan berasal daripada bahasa Inggeris iaitu, *to persuade* dan kata namanya, iaitu *persuasion*, bererti memujuk (Dalman, 2012:46). Teknik ini sering digunakan dalam situasi memujuk, mengajak atau mempengaruhi orang lain agar berfikir dan bertindak sebagaimana yang dihasratkan. Hal ini selaras dengan pendefinisan pemujukan daripada Dalman (2012:146), iaitu teknik pemujukan merupakan sebuah penulisan yang bertujuan untuk mempengaruhi emosi orang lain secara intelektual agar mereka mempercayai dan meyakini perkara yang disampaikan, seterusnya membuat keputusan dan tindakan seperti yang diinginkan oleh penulis.
4. Teknik penceritaan berasal daripada kata *narration* yang bermaksud bercerita (Dalman, 2012:105) Biarpun teknik penceritaan ini agak luas maksudnya (Mohd Sidin, 1999:18), namun Keraf (2007:136) memahaminya sebagai sebuah penulisan yang menjalankan pelbagai tindak-tanduk manusia selaku watak, kemudian dirangkaikan menjadi suatu peristiwa yang memiliki beberapa plot penceritaan dan berlaku dalam tempoh tertentu.
5. Teknik penghujahan dikenali sebagai penulisan alasan (Dalman, 2012:137). Dalam situasi ini, pengarang akan mengemukakan pandangan, gagasan atau idea yang berupa fakta yang disertakan alasan dan bukti yang mampu meyakinkan audiens untuk menerima fakta (tesis) tersebut (Dalman, 2012:138). Dalam hal ini, pengarang perlu mengemukakan fakta dan bukti secara intelektual tanpa melibatkan unsur emosi atau pandangan yang subjektif agar informasi yang dikongsikan itu dapat diterima dengan mudahnya oleh audiens sebagai maklumat yang benar dan dipercayai (Keraf, 2007:100).

Pada dasarnya, retorik dilihat sebagai suatu perkara negatif kerana sering digunakan untuk memanipulasikan pemikiran orang lain bagi mencapai tujuan tertentu. Namun begitu, kecenderungan sedemikian bergantung sepenuhnya pada pihak yang mempraktikkannya, sama ada bagi tujuan kebaikan atau sebaliknya. Hal ini dapat diteliti melalui fungsi

retorik itu sendiri. Dalam hal ini, retorik tidak membebani penggunanya, sebaliknya mampu merangsang perhatian audiens, menjana pelbagai penggunaan bahasa, mencipta istilah baharu dan mampu mempengaruhi serta memanfaatkan masa (Hart, 1997:7–9, 13–17). Daripada penjelasan tersebut, adalah jelas bahawa retorik bukanlah sesuatu yang negatif, tetapi berpotensi untuk menjamin keberkesanan komunikasi yang berlangsung. Perkara ini bertepatan dengan pendapat Enos dan Brown (1993:55), iaitu retorik ialah kebijaksanaan ketika menggunakan dan memanfaatkan bahasa bagi mencapai tujuannya. Sehubungan dengan itu, pelopor Teori Retorik Moden (1993) tersebut telah mengemukakan lima retorik yang terdiri daripada penelitian dan pengukuhan, penerokaan dalam ciptaan, membentuk struktur, gaya bahasa dan menilai audiens, serta peristiwa (Enos & Brown, 1993:101).

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan oleh sarjana bagi memperkuuhkan kredibiliti penggunaan bahasa retorik sebagai seni pemujukan serta kewibawaannya dalam pelbagai bidang. Pendekatan tersebut dinyatakan oleh Abd. Ganing (2018), Dewi (2022), dan Dewi dan Haziq (2021).

Dalam analisis lakuan bahasa terhadap teks khutbah Jumaat negeri Selangor yang dilakukan oleh Abd. Ganing (2018), setiap kata atau ayat yang diungkapkan itu sememangnya mengandungi sesuatu tindakan, seperti menasihati, menegur, berjanji, dan memaklumkan. Hal yang sama berlaku dalam proses penyampaian teks khutbah Jumaat. Seseorang khatib yang dipertanggungjawabkan itu perlulah mampu membina jambatan interaksi secara tidak langsung dengan jemaah melalui pelbagai cara. Antaranya termasuklah menyampaikan teks khutbah dengan suara yang jelas, dan nada yang tepat. Di samping itu, pengkaji tersebut juga menegaskan bahawa persoalan yang bersifat retorik dalam setiap teks khutbah perlulah dibanyakkan. Hal ini dikatakan demikian kerana khutbah bukan sahaja bertujuan untuk menyebarkan dakwah, malah mengajak jemaah untuk bersama-sama memikirkan persoalan dan butiran dakwah yang disampaikan. Dalam kajian tersebut, Abd. Ganing (2018) menemukan tiga kategori lakuan bahasa dan 13 subkategorinya yang diterapkan dalam teks khutbah Jumaat yang merangkumi 341 kekerapan penggunaan. Pengkaji ini mengkaji enam buah teks khutbah Jumaat bagi bulan Februari, Mac dan April 2018. Abd. Ganing (2018) mendapat bahawa khutbah Jumaat

lebih cenderung menggunakan unsur bahasa retorik untuk menyampaikan nasihat yang berbentuk deskriptif agar objektifnya tercapai dengan mudahnya.

Selain itu, kajian yang mengidentifikasi dan menghuraikan teknik penulisan retorik berpandukan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) dalam komunikasi lisan dan penulisan telah dilakukan oleh Dewi (2022), dan Dewi dan Haziq (2021). Dewi (2022) mengkaji aplikasi bahasa retorik dalam penyampaian ceramah Ustaz Kazim Elias. Ceramah ini berbentuk video yang berdurasi 1 jam, 31 minit dan 34 saat yang dimuat turun daripada laman sesawang youtube.com. Menurut pengkaji ini, penyebaran dakwah memerlukan penggunaan bahasa yang tepat supaya perkara yang disampaikan dapat difahami dengan mudah dan berkesannya. Oleh itu, penceramah perlu menguasai teknik pemujukan untuk menghasilkan butiran dakwah yang mampu mempengaruhi fikiran dan tindakan pendengar. Dengan menggunakan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993), penyelidik ini menemukan kelima-lima jenis retorik, iaitu pendedahan (31%), penghujahan (5%), penerangan (19%), penceritaan (37%) dan pemujukan (8%). Penemuan ini membuktikan bahawa struktur dan strategi penyampaian ceramah Ustaz Kazim Elias masih relevan dan konsisten dari tahun ke tahun dengan menjadikan teknik penceritaan sebagai teras dalam penyampaian ceramahnya. Di samping itu, penggunaan bahasa retorik juga berpotensi untuk meningkatkan mutu penyampaian ceramah. Hal ini khususnya untuk mempengaruhi minat, fikiran dan tindakan pendengar, serta membantu peserta untuk terus bermuhasabah.

Seterusnya, Dewi dan Haziq (2021) memfokuskan kajian terhadap penggunaan bahasa retorik dalam wahana informasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Penyelidik ini menegaskan bahawa keberkesanan penyampaian sesuatu maklumat itu memerlukan medium tertentu, serta pihak yang unggul dan bersesuaian agar perkara yang ingin disampaikan itu dapat disalurkan dengan tepat dan mudahnya. Sejajar dengan itu, penyelidik ini menyifatkan penggunaan bahasa retorik dalam wacana sebagai batu loncatan untuk mencapai sesuatu yang dihasratkan dan mampu mencetuskan kestabilan hubungan sosial melalui sistem pemerintahan sesebuah negara. Berdasarkan kajian pengkaji ini terhadap 20 naskhah perutusan rasmi kerajaan yang disampaikan oleh Menteri Kesihatan Brunei, didapat bahawa terdapat empat jenis retorik yang diterapkan dalam wacana rasmi tersebut. Retorik ini meliputi 34% teknik pendedahan, 30% teknik penerangan, 33% teknik pemujukan dan 3% teknik penghujahan.

Perkara ini membuktikan bahawa penggunaan bahasa retorik memainkan peranan penting dalam wacana perutusan rasmi kerajaan. Di samping itu, penelitian ini turut memperkuuh retorik sebagai strategi pemujukan yang menjalinkan hubungan kesefahaman yang utuh antara masyarakat dengan kerajaan.

Berdasarkan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa Teori Retorik Moden ialah pendekatan yang sering digunakan untuk menghuraikan dan menjelaskan aspek kebahasaan wacana. Perkara ini telah memperkuuh kewibawaan retorik sebagai pendekatan multidisiplin yang mencakupi bentuk komunikasi lisan dan penulisan. Biarpun kajian sarjana yang dinyatakan ini seakan-akan serupa dengan kajian yang pengkaji lakukan ini, terdapat perbezaan atau kelainan dalam penentuan fokus dan pendekatan. Contohnya, Abd. Ganing (2018) menjadikan teks khutbah Jumaat sebagai fokus utama. Dalam kajian berkenaan, pengkaji tersebut hanya menganalisis unsur yang terdapat dalam penyampaian khutbah Jumaat dengan menerapkan Teori Lakuan Pertuturan (*speech act*) tanpa memberikan apa-apa tekanan terhadap unsur dalam wacana.

Selain itu, penggunaan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) secara komprehensif telah dilakukan oleh dua sarjana di atas, iaitu Dewi (2022), dan Dewi dan Haziq (2021). Walau bagaimanapun, jelas didapati bahawa kajian yang dilakukan itu telah menyasarkan wacana perutusan rasmi kerajaan Brunei dan wacana ceramah Ustaz Kazim Elias yang disampaikan secara lisan. Sehubungan dengan itu, dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan penggunaan bahasa retorik dalam teks khutbah Jumaat di Negara Brunei Darussalam yang dianggap sebagai strategi utama bagi melahirkan wacana dakwah yang berkualiti, dan berkesan. Dengan memanfaatkan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993), setiap jenis retorik yang diserapkan dalam teks khutbah Jumaat berkenaan dapat dikenal pasti dan dijelaskan dengan tuntasnya bagi membuktikan keberkesanannya penyampaian sesebuah wacana dakwah yang berpaksikan teknik penulisan retorik.

Kajian tersebut membuka ruang kepada pengkaji untuk melakukan kajian baharu dalam penelitian retorik dan penulisan, terutamanya dalam bidang dakwah. Oleh hal yang demikian, kajian ini ialah perihal kepentingan peranan dan fungsi retorik. Dalam hal ini, retorik menyelaraskan wacana dakwah serta mencetuskan persepsi tertentu kepada pihak berkepentingan agar lebih peka untuk menghasilkan teks khutbah yang menarik.

METODOLOGI

Proses kutipan dan analisis data dalam kajian ini menggunakan sumber sekunder, iaitu kaedah kepustakaan dan analisis dokumen. Dalam kaedah kepustakaan, beberapa inisiatif bagi memperoleh bahan yang berkaitan dengan kajian ini telah dilakukan dengan merujuk pelbagai sumber bacaan akademik yang memiliki kebolehpercayaan dan kesahihan yang tinggi. Kaedah kualitatif yang berpusatkan analisis dokumen pula dimanfaatkan bagi mendeskripsikan teknik penulisan retorik yang diaplikasikan dalam teks khutbah Jumaat di Negara Brunei Darussalam dengan berpandukan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993). Terdapat lima pengkategorian yang difokuskan, iaitu pendedahan, penerangan, pemujukan, penceritaan dan penghujahan.

Namun begitu, teknik yang diteliti dalam kajian ini tertumpu pada perkara yang ditemukan dalam data kajian sahaja dengan mengenal pasti penanda bagi teknik retorik tersebut. Melalui cara demikian, setiap unsur retorik yang dianalisis dapat dikenal pasti dan diuraikan secara terperinci dengan mengetengahkan peranan dan fungsi dalam pembinaan struktur ayat. Kelebihan kaedah kualitatif ini selaras dengan pandangan Ghazali dan Sufean (2021:483) yang menyatakan bahawa kaedah kajian berkenaan dapat meneroka setiap elemen yang difokuskan secara lebih mendalam dan berupaya menyelesaikan isu atau persoalan yang dikemukakan. Dalam pada itu, data dalam kajian ini terdiri daripada 10 buah teks khutbah Jumaat di Negara Brunei Darussalam yang disampaikan pada bulan Mac, April dan Mei 2022 yang dimuat turun daripada laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei; <http://www.kheu.gov.bn/Lists/Khutbah/ViewAll.aspx>.

Sehubungan dengan itu, proses analisis data dimulakan dengan mengenal pasti penanda retorik yang terdapat dalam setiap struktur ayat dengan berpandukan jenis retorik yang dikemukakan oleh Enos dan Brown (1993), iaitu teknik penulisan retorik yang merangkumi teknik pendedahan, penerangan, pemujukan, penceritaan dan penghujahan. Seterusnya, data tersebut dikategorikan dan dianalisis dengan mengetengahkan peranan dan fungsi yang dimiliki oleh penanda retorik tersebut dan disimpulkan dengan dapatan yang mampu memberikan bukti yang kukuh. Hal ini bagi meletakkan penggunaan bahasa retorik sebagai strategi yang berkesan dalam penghasilan wacana dakwah yang menarik dan berkualiti. Selain itu, penentuan data berdasarkan kepentingan dan kesesuaian data tersebut adalah untuk membantu dan menyempurnakan keperluan kajian ini, iaitu meneliti penggunaan bahasa retorik yang mungkin diterapkan dalam teks

khutbah Jumaat di Negara Brunei Darussalam sebagai strategi utama untuk mencapai perkara yang diobjektifkan. Kaedah persampelan data dalam kajian ini adalah berdasarkan persampelan tidak rawak, iaitu semua data tersebut ditentukan jumlah dan pencirianya selaras dengan objektif kajian. Perincian data kajian ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Perincian data kajian.

Tajuk Khutbah	Tarikh	Tajuk Khutbah	Tarikh
Menjana Ketaqwaan di Bulan Syabaan	4 Mac 2022	Berbuat Baik dan Berbakti kepada Ibu Bapa	11 Mac 2022
Melipatgandakan Amal Ibadah di Bulan Ramadhan	1 April 2022	Menjaga Diri daripada Melakukan Perkara Mazmumah dan Sia-sia	8 April 2022
Kelebihan Membaca al-Quran	15 April 2022	Menyambut Kedatangan Syawal	29 April 2022
Istiqomah Mengerjakan dan Meningkatkan Amal Ibadah	6 Mei 2022	Menghiasi Diri dengan Sifat Pemaaf	13 Mei 2022
Tawaduk Akhlak dan Sifat Mulia	20 Mei 2022	Bersama Menjayakan Wawasan Negara	27 Mei 2022

KERANGKA TEORI

Kajian ini berpandukan kerangka Teori Retorik Moden yang dikembangkan oleh Enos dan Brown (1993). Teori ini telah mengubah arah haluan retorik tradisional sebagaimana yang digagaskan oleh Aristotle dahulu. Penelitian retorik moden yang memandang sesuatu secara lebih jauh yang lebih meluas cakupannya kerana merangkumi kedua-dua bentuk komunikasi (lisan dan penulisan) telah memberikan wajah baharu terhadap konsep kajiannya dan menjadikan retorik sebagai bidang multidisiplin yang mampu meneroka pelbagai ruang dan pendekatan. Menurut Enos dan Brown (1993:44), kajian dalam wacana penulisan telah menjadi punca utama bagi timbulnya kajian retorik dalam penulisan. Kajian ini berkisar tentang beberapa aspek. Pertama, retorik moden yang meneliti bidang

baharu dan membincangkan analisis penulisan, wacana yang melangkaui unsur pemujukan, pemikiran kritikal dan proses penulisan. Kedua, menggunakan pelbagai kaedah persoalan yang dapat membina pendekatan retorik baharu yang merangkumi bidang yang lain daripada asalnya, seperti antropologi, psikologi, linguistik dan kebudayaan (Enos & Brown, 1993:45). Kajian retorik terhadap pelbagai bidang dapat mengupas cara seseorang individu itu menggunakan dan memanfaatkan bahasa, serta mencari jalan alternatif (penyelesaian) bagi setiap isu dan masalah yang berbangkit dalam kalangan masyarakat (Enos & Brown, 1993:171).

Dalam pada itu, Nor Raudah (2013:46) pula menyatakan bahawa istilah retorik berasal daripada kata dalam bahasa Greek, iaitu *tenhnerhetorike* yang bermaksud seni dalam pengucapan atau penggunaan bahasa. Hal ini bertepatan dengan pernyataan Enos dan Brown (1993:55) bahawa retorik ialah suatu cara yang berkesan untuk menggunakan atau memanfaatkan bahasa bagi mencapai tujuan tertentu. Sehubungan dengan itu, terdapat lima jenis retorik yang dimaksudkan dalam penulisan sarjana tersebut sebagaimana yang diperincikan oleh Dalman (2012) dan Mohd Sidin (1999). Teknik penulisan retorik tersebut terdiri daripada pendedahan (eksposisi), penerangan (deskripsi), pemujukan (persuasi), penceritaan (narasi) dan penghujahan (argumentasi).

Secara ringkasnya, setiap teknik penulisan retorik berkisar tentang lima prinsip utamanya, iaitu bahasa yang menarik dan memiliki unsur keindahan, kepelbagaiannya makna, berpotensi untuk mempengaruhi orang lain, memperkuuh kebijaksanaan dan memerlukan tahap kognitif bagi menginterpretasikan setiap perkara yang disampaikan (Muhammad Mazlan & Zaitul Azma, 2016:7). Oleh itu, pendekatan ini dapat mengupas penerapan bahasa retorik dengan telusnya yang disifatkan sebagai strategi yang berkesan bagi menghasilkan teks khutbah Jumaat yang berkesan di Negara Brunei Darussalam, serta memperkuuh kewibawaan khutbah sebagai alat dakwah yang unggul dan terus relevan mengikut peredaran zaman.

ANALISIS KAJIAN

Daripada 10 buah teks khutbah Jumaat yang diteliti, didapati bahawa hanya empat teknik penulisan retorik yang diterapkan dalam penyelarasannya wacana berkenaan, iaitu teknik pendedahan, penerangan, pemujukan dan penghujahan. Teknik penceritaan pula tidak ditemukan.

1. Teknik Pendedahan

Retorik pertama ini sering ditemukan penggunaannya dalam penulisan tertentu, seperti nota pelajaran, buku teks, teks dan ucapan umum. Hal

ini wajar kerana teknik ini lebih menumpukan pemberitahuan atau pendedahan sesuatu kepada orang lain. Menurut Keraf (1981:7), lazimnya teknik ini akan merangkumi beberapa cara yang jelas untuk menyampaikan sesuatu perkara kepada orang lain, seperti pendefinisian, identifikasi, pengkategorian dan perbandingan. Antara contoh data bagi teknik ini termasuklah:

a. Pendedahan melalui Pendefinisian

Bulan Ramadhan **adalah** bulan ibadah, bulan bagi melipat gandakan amal ibadah kita kepada Allah Subhanahuwataala. (Data 3:7)

Petikan ini menggunakan teknik pendedahan yang dikategorikan sebagai pendefinisian. Menurut Keraf seperti yang dinyatakan dalam Dalman (2012:130), definisi ialah kaedah yang menghuraikan makna bagi sesuatu kata, frasa atau kalimat, serta terdiri daripada dua struktur, iaitu bahagian yang didefinisikan dan bahagian yang mendefinisikannya. Lazimnya, teknik pendedahan secara definisi ini ditandakan dengan kehadiran kata pemeri, iaitu **ialah** dan **adalah**. Menurut Asmah (2015:237) dan Nik Safiah et al. (1993:250; 2015:263), kata pemeri **ialah** dan **adalah** digunakan untuk menerangkan atau menghuraikan sesuatu definisi, istilah, kata nama, frasa nama, frasa adjektif dan sebagainya. Dalam data yang ditunjukkan ini, kata pemeri **adalah** diletakkan selepas kata nama **Ramadhan** bagi memberikan definisi atau keterangan lanjut tentang kata nama tersebut dengan lebih khusus.

b. Pendedahan melalui Identifikasi

Justeru, amatlah rugi bagi orang yang tidak merebut peluang memperbanyak membaca al-Quran kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam dalam hadis-hadis baginda ada menyebutkan mengenai kelebihan bagi orang-orang yang membaca al-Quran, **antaranya**:

Pertama: Membaca al-Quran dinaungi dengan payung rahmat, dikelilingi para malaikat dan diturunkan Allah Subhanahuwataala kepadanya ketenangan dan kewaspadaan.

Kedua: Pembaca al-Quran dikurniakan hatinya dengan cahaya oleh Allah Subhanahuwataala dan dipeliharanya daripada kegelapan.

Ketiga: Pembaca al-Quran, tidak bergundah hati dan terlepas dari kesusahan-kesusahan di hari kiamat, kerana dia sentiasa dalam pemeliharaan dan penjagaan Allah Subhanahuwataala. ... (Data 5:10)

Data ini memperlihatkan teknik pendedahan yang dilakukan dengan cara mengidentifikasi sesuatu perkara yang ditekankan. Pada dasarnya, identifikasi merupakan kaedah yang menyenaraikan ciri atau unsur bagi sesuatu perkara agar pembaca atau pendengar dapat mengenal pasti objek atau perkara yang dimaksudkan dengan mudah, jelas dan tepatnya (Keraf seperti yang dinyatakan dalam Dalman, 2012:123). Dalam erti kata lain, pengarang yang ingin mendedahkan sesuatu objek atau perkara tertentu hendaklah terlebih dahulu mengenal pasti perkara yang ingin disampaikan, kemudian barulah mendedahkannya kepada orang lain dengan cara yang bersistematik dan terperinci.

Dalam contoh yang diberikan, objek atau perkara yang ditekankan dijelaskan dengan menggunakan kata sendi nama **antaranya**. Cara ini lazim digunakan untuk menghuraikan beberapa contoh, panduan, langkah tertentu yang terdiri daripada kata nama atau frasa nama (Nik Safiah et al., 1993:265). Semua perkara itu dilakukan bagi memberikan maklumat tambahan dan sokongan bagi pendedahan dan penghuraian yang dikemukakan sebelumnya. Penggunaan penanda **antaranya** dalam data ini secara tidak langsung menunjukkan terdapatnya beberapa kelebihan yang boleh diperoleh daripada pembacaan al-Quran. Semua panduan tersebut disampaikan secara berurutan, iaitu dengan menerapkan penanda pertama, kedua dan seterusnya. Melalui cara ini, apa-apa yang ingin disampaikan atau ditekankan dapat didedahkan dan dihuraikan dengan jelas dan terurntunya.

c. Pendedahan melalui Pengkategorian

Perlu diketahui, bahawa **waktu** mengeluarkan zakat fitrah itu terbahagi kepada lima:

Pertama: Waktu wajib, iaitu memulai terbenam matahari pada akhir bulan Ramadhan.

Kedua: Waktu sunat, iaitu sebelum imam mendirikan sembahyang hari raya.

Ketiga: Waktu harus, iaitu dari awal bulan Ramadhan.

Keempat: Waktu makruh, iaitu selepas sembahyang hari raya.

Kelima: Waktu haram, iaitu sesudah jatuh matahari hari raya pertama. Bahkan perbuatan ini adalah satu dosa dan wajib dibayar juga sebagai qada', kerana dikeluarkan di luar waktunya. (Data 6:12)

Teknik pendedahan dengan cara pengkategorian atau klasifikasi berperanan sebagai struktur penghuraian bagi subjek yang ingin dijelaskan dengan cara menggolongkan beberapa objek yang saling berkaitan dalam satu kumpulan (Keraf seperti yang dinyatakan dalam Dalman, 2012:128). Menurut Dalman (2012:128) pula, kaedah klasifikasi dapat mengembangkan sesuatu pendedahan dengan menghubungkaitkan persamaan atau kesepadan yang dimiliki oleh objek yang dikategorikan dalam satu kelas yang sama. Oleh itu, dalam data ini, topik yang ditekankan sebagai golongan atau kelas bagi objek yang dihuraikan selepas topik berkenan didedahkan adalah “waktu mengeluarkan zakat fitrah”. Dalam contoh petikan tersebut, terdapat lima tempoh waktu yang tergolong dalam komponen waktu bagi mengeluarkan zakat fitrah pada bulan Ramadan, iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Oleh itu, pengkategorian topik yang ingin dijelaskan dapat memberikan pengetahuan lanjut tentang topik berkenaan. Hal ini juga memberikan peringatan yang berterusan kepada pendengar agar terus mengerjakan amalan yang dianjurkan dalam Islam dan tidak leka ketika menunaikan tanggungjawab selaku umat Islam.

d. Pendedahan melalui Perbandingan

Sesungguhnya kemuliaan dan ketinggian martabat ibu bapa itu bukan diangkat oleh siapa-siapa akan **tetapi** martabat ibu bapa itu diangkat dan dimuliakan oleh Allah Subhanahuwataala. (Data 2:10)

Teknik pendedahan melalui perbandingan bertujuan untuk memberikan kefahaman yang mendalam kepada pembaca atau pendengar terhadap topik atau objek yang dibincarakan. Kaedah ini dimanfaatkan oleh pengarang bagi mendedahkan dan menjelaskan persamaan atau perbezaan yang dimiliki oleh dua objek yang telah diketahui audiensnya dengan mengemukakan ciri khusus yang mungkin belum diketahui atau taksa sifatnya (Keraf seperti yang dinyatakan dalam Dalman, 2012:123–124). Dalam data yang diberikan, penanda yang mendukung konsep perbandingan ini terdiri daripada kata hubung **dan** dan **tetapi**. Kedua-dua kata ini mendukung fungsi sebagai penghubung antara dua ayat (Nik Safiah, 2015:92) dan tergolong dalam kategori kata penghubung setara (Asmah, 2015:216). Jelas Asmah (2015:218) lagi, kata penghubung setara **tetapi** sering digunakan bagi menggantikan kata nafi yang bertujuan untuk menunjukkan perbandingan atau perlawanan antara dua ayat yang dihubungkan. Hal ini jelas dalam data ini yang menggunakan kata penghubung **tetapi** bagi menekankan perbandingan yang ketara antara manusia dengan penciptanya. Ayat

berkenaan secara langsung menjelaskan bahawa kemuliaan dan ketinggian darjat ibu bapa tidak boleh dipertikaikan kerana dimartabatkan sendiri oleh Allah.

2. Teknik Penerangan

Teknik ini lebih memandang jauh ke hadapan apabila mengutamakan gambaran sesuatu perkara atau subjek yang dibicarakan. Antara gambaran tersebut termasuklah imej sesuatu, perasaan dan keadaan luaran dan dalaman seseorang atau sesuatu yang tidak bernyawa (Amida, 2015:85). Lazimnya, teknik ini ditandakan dengan kewujudan kata tanya, iaitu **apa**, **bila**, **bagaimana**, **mengapa** dan **siapa** (Amida, 2015:80–81). Hal ini selaras dengan matlamat teknik penerangan, iaitu memindahkan pengamatan dan pengalaman pengarang dengan cara mencipta gambaran yang jelas kepada audiens (Dalman, 2012:93; Mohd Sidin, 1999:8–9). Walaupun pada peringkat ini, pengarang bukannya bertindak untuk menyediakan maklumat berbentuk fakta, berhujah atau menyampaikan penceritaan, keterampilan teknik penerangan mampu mendukung teknik penulisan retorik yang lain, seperti pendedahan, penceritaan dan penghujahan, sebagai alat bantu yang memperincikan lagi setiap perkara atau objek yang ingin dikemukakan (Mohd Sidin, 1999:9). Oleh itu, penggunaan teknik ini dalam penulisan wacana dapat memberikan kesan yang maksimum kepada audiens sehingga audiens seolah-olah dapat merasai, melihat dan mengalami sendiri sesuatu yang dijelaskan tersebut (Dalman, 2012:94). Contohnya seperti yang berikut:

Sifat pemaaf adalah sifat mulia yang sangat dituntut dalam agama Islam. Sifat pemaaf juga adalah sifat utama yang ada pada diri baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam. Sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa mencontohi sifat-sifat dan akhlak yang ada pada diri baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam itu. (Data 8:7–8)

Menurut Amida (2015:79) dan Dewi dan Haziq (2021:14), setiap teknik penerangan biasanya akan dimulakan dengan frasa yang diselitkan kata tanya, seperti **apa** dan **siapa** (Keraf seperti yang dinyatakan dalam Dalman, 2012:123). Namun begitu, biarpun ayat atau kenyataan yang disampaikan itu tidak mengandungi apa-apa kata tanya, seperti **apa** dan **apakah**, atau diakhiri oleh penanda, iaitu tanda soal (?), penerapan teknik penerangan berbentuk identifikasi ini (Amida, 2015:81) dapat menjelaskan perkara yang ditekankan atau menjadikan idea utama lebih terperinci (Dalman, 2012:123). Oleh itu, perkara yang ditekankan dalam contoh ayat

di atas adalah sifat pemaaf. Hal ini diterangkan dengan cara memperincikan kedudukannya sebagai sifat mulia yang sangat dituntut dalam agama Islam dan merupakan sifat utama yang ada dalam diri Baginda Rasulullah. Oleh itu, jelaslah bahawa penerapan unsur pertanyaan yang diselitkan di sebalik kata atau frasa dalam ayat itu telah memberikan pengaruh besar, bukan sahaja kepada pendengar untuk memberikan kefahaman kepadanya, malah menjamin kesempurnaan ayat dan maksud sebenar yang ingin disampaikan (Dewi, 2022:19; Nor Azuhan et al., 2018:10).

3. Teknik Pemujukan

Teknik retorik ini digunakan khususnya dalam penyampaian komunikasi lisan, demi mencapai tujuan atau objektif seseorang individu atau organisasi yang berkepentingan (Lim & Har, 2014:195). Retorik pemujukan ini bertujuan untuk menarik minat pendengar agar dapat bersama-sama bersetuju dalam topik yang dibicarakan, seterusnya dapat membuat sesuatu pertimbangan sebagaimana yang diharapkan oleh penutur (Muhammad Mazlan & Zaitul Azma, 2016:7). Antara contoh teknik ini termasuklah:

a. Penanda Partikel **Lah**

BERTAQWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahuwataala dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan meningkatkan keimanan kepadanya.
(Data 1:2)

Dalam setiap teknik pemujukan, kata, frasa atau ayat yang dizahirkan itu mestilah memiliki unsur keindahan, pemujukan, dan penekanan tertentu berdasarkan konteks ayat yang tepat dan bersesuaian (Amida, 2015:117; Nor Raudah, 2013:47). Dalam data ini, partikel **lah** digabungkan dengan kata **bertaqwa** untuk membentuk kata **bertaqwalah**. Kata yang dicantumkan ini diletakkan di hadapan ayat sebagai penanda bagi memulakan kenyataan atau hujah yang ingin disampaikan (Nik Safiah et al., 1993:248). Hal ini untuk menarik perhatian pendengar agar lebih tekun mendengar butiran yang ingin disampaikan. Tujuan lainnya adalah untuk memberikan peringatan yang berterusan kepada pendengar supaya sentiasa mengerjakan amal kebajikan dan menjauhi perkara yang ditegah dalam Islam. Antara tujuan partikel **lah** dicantumkan kepada kata dasar dan kata terbitan termasuklah sebagai suatu penekanan, penegasan, pengukuhan atau pernyataan secara sopan bagi sesuatu perintah yang berupa seruan atau peringatan (Abdullah, 2013:191). Perkara ini jelas berdasarkan kata yang digunakan dalam data, iaitu **bertaqwalah** yang bermaksud seruan kepada

jemaah untuk sentiasa meneguhkan dan meningkatkan ketakwaan kepada Allah. Dengan cara itu, jemaah dapat berada pada kedudukan yang paling mulia dan hampir dengan Allah.

b. Penanda dengan Kata Pinjaman (Dewi & Haziq, 2021:16)

Agama kita menuntut umatnya untuk sentiasa **beristiqamah** dalam melakukan ibadah dan amal kebajikan. (Data 7:6)

Kata pinjaman melibatkan penyerapan unsur bahasa lain ke dalam sesuatu bahasa yang disifatkan sebagai suatu pertembungan budaya (Teo, 2019:244). Fenomena ini dikatakan berpunca daripada faktor kebahasaan, seperti persamaan struktur dan sistem bahasa, bentuk unsur bahasa, kekerapan penggunaan atau kekunoan kata yang jarang-jarang digunakan dan kurangnya kejadian dalam makna bagi sesetengah kata (Teo, 2019:48–49). Sehubungan dengan itu, unsur peminjaman dalam teknik pemujukan ini dapat diselaraskan dengan satu daripada faktor kebahasaan tersebut, iaitu kurangnya keberkesanan makna dalam penggunaan kata tertentu.

Dalam erti kata lain, pemilihan kata dalam ayat perlu dilakukan dengan telitinya agar dapat menyampaikan butiran dakwah dengan mudahnya dan berpotensi untuk memujuk fikiran, emosi dan tindakan pendengar. Oleh itu, penerapan kata pinjaman yang lebih jelas, tepat dan jitu dari segi bentuk dan maknanya dapat menyampaikan maksud ayat dengan jelasnya (Hasnah, 1982:74; Munif Zariruddin Fikri, 2015:173; Nik Safiah et al., 2015:301). Dalam data ini, terdapat kata pinjaman, iaitu **beristiqamah** yang bermaksud perbuatan yang dilakukan secara berterusan dengan teguh tanpa putus asa atau kembali mengerjakan sesuatu yang tidak baik (Data 7:6). Oleh hal yang demikian, kata pinjaman wajar dimanfaatkan untuk melengkapkan ayat, sama ada dari segi struktur atau maksud keseluruhannya.

c. Penanda dengan Ayat-ayat Perintah

Akhirnya, **marilah kita sama-sama** sentiasa berusaha mempertingkatkan amal ibadah dan amal kebajikan di bulan Syaaban yang mulia ini semata-mata untuk mendapatkan berkat, rahmat dan pengampunan daripada Allah Subhanahuwataala. Amin Ya Rabbal Alamin. (Data 1:24)

Teknik pemujukan lebih cenderung menggunakan ayat yang berbentuk perintah, sama ada dengan tujuan mengarahkan, menyuruh, menegur, memberikan amaran, peringatan, menyeru dan sebagainya (Abdullah, 2013:190). Perkara ini boleh dilihat melalui penanda kata perintah dalam data ini, iaitu **marilah kita sama-sama**. Berdasarkan contoh, ini adalah jelas bahawa unsur perintah yang digunakan itu ialah suatu ajakan. Hal ini perlu dinyatakan kerana penerapan kata perintah ini dapat mengukuhkan butiran yang ingin disampaikan, di samping dapat mempengaruhi fikiran dan emosi pendengar dengan cara yang halus dan memiliki unsur kebersamaan atau perpaduan dan persaudaraan yang erat sesama umat Islam dan manusia (Abdullah, 2013:191).

d. Pembacaan Ayat Al-Quran Berserta Tafsir

Surah Ali Imran ayat 133, tafsirnya: Dan segeralah kamu (mengerjakan amal kebaikan untuk membawa kamu) kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertaqwa. (Data 6:23)

Penggunaan teknik pemujukan ini digunakan dalam setiap teks khutbah Jumaat pertama, iaitu sebagai penutup dan kesimpulan bagi sesuatu tajuk dan isinya. Lazimnya, setiap ayat al-Quran yang dibaca berserta tafsirnya itu saling berkaitan dengan tajuk yang dikemukakan pada sesi khutbah Jumaat. Terdapat juga ayat yang dibacakan yang merangkumi idea pokok bagi seluruh wacana sahaja. Tujuan ayat al-Quran berserta tafsirnya ini dibaca pada akhir khutbah pertama adalah sebagai renungan dan peringatan kepada jemaah agar dapat berfikir dan menghayati kata yang dipetik daripada al-Quran dengan sepenuh jiwa tanpa berlakunya apa-apa penambahan dan penerangan yang mendahului atau mengikutinya. Perkara ini sememangnya satu daripada teknik pemujukan yang sangat berkesan dan menarik. Melaluinya, pendengar bukan sahaja dapat memahami terjemahan ayat yang dibaca, malah sentiasa berpeluang untuk bermuhasabah diri dan mengambil iktibar daripada perkara yang disampaikan.

e. Unsur Eufemisme

Ini kerana sangat ganjil dan pelik rasanya jika seseorang itu mempunyai hubungan yang baik dengan orang lain seperti kawan-kawan di pejabat, di sekolah dan seumpamanya, akan tetapi hubungan dengan ibu bapa sendiri itu **diabaikan**. (Data 2:15)

Eufemisme atau kata penghalusan didefinisikan sebagai kata atau bentuk yang memiliki makna yang lebih sopan daripada kata yang digantikan (Abdul Chaer, 2013:143), sederhana dan lembut sifatnya, serta tidak terlalu berterus terang bagi menggantikan kata yang kasar dan boleh menyinggung perasaan orang lain (Teo, 2019:156). Dalam situasi ini, setiap kata yang memiliki sifat dan maksud yang sama dapat saling menggantikan antara satu kata dengan kata yang lain mengikuti kesesuaian konteks penggunaannya. Hal ini menjadikan ayat lebih menarik dan memiliki maksud yang lebih tepat dan jelas (Amida, 2015:71).

Kewibawaan eufemisme untuk menyerlahkan unsur kesantunan dalam pembentukan struktur ayat dapat diperhatikan dalam data ini. Kata **diabaikan** merujuk kata kelazimannya, iaitu dicuaikan. Dengan menerapkan kata yang lebih santun dan memiliki makna yang lebih tinggi, kualiti wacana dakwah yang disampaikan dapat dilestarikan, dan kesejahteraan hidup bermasyarakat dapat dipelihara tanpa menyentuh sensitiviti atau kekurangan masyarakat melalui kata yang tidak berlapis. Hal ini secara tidak langsung telah menyerlahkan maksud asal bagi istilah eufemisme, iaitu *euphemizein* dalam bahasa Yunani yang bermaksud menggunakan kata dengan tujuan yang baik (Abdul Rashid & Amat Juhari, 2010:123).

4. Teknik Penghujahan

Retorik penghujahan juga dikenali sebagai pemujukan rasional. Menurut Mohd Sidin (1999:28), pemujukan rasional atau penghujahan boleh diterima sebagai suatu usaha untuk merayu secara intelektual yang diiringi oleh beberapa bentuk kenyataan yang berpotensi untuk memperkuuh perkara yang disampaikan dengan mengutarakan alasan dan bukti yang jelas dan logik. Muhammad Mazlan dan Zaitul Azma (2016:10) menyatakan bahawa teknik penghujahan ini merupakan suatu cara untuk memujuk pendengar agar mempercayai setiap kenyataan yang disampaikan. Menurut kedua-dua penyelidik ini lagi, semakin banyak bukti yang dikemukakan, semakin kukuhlah idea atau gagasan yang dihujahkan. Sebenarnya, terdapat dua ciri utama teknik ini, iaitu wujudnya idea atau gagasan yang mesti dihujahkan dan setiap penghujahan perlu disertakan bukti yang kukuh (Nor Azuwan et al., 2018:11). Contoh data bagi retorik jenis penghujahan ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Data retorik penghujahan.

Tesis	Premis
<p>Semoga dengan rasa syukur itu, Allah Subhanahuwataala akan menambah dan mengekalkan segala nikmatnya kepada kita di bumi darussalam yang bertuan ini dan menjauahkan kita daripada sebarang malapetaka, wabak penyakit dan seumpamanya. (Data 10:8-9)</p>	<p>Allah Subhanahuwataala berfirman dalam surah Ibrahim ayat 7, tafsirnya: Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya): Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras.</p>

Lazimnya, bagi setiap topik yang ingin disampaikan melalui teks khutbah, terdapat beberapa idea pokok atau kenyataan (tesis) yang diketengahkan bersama-sama dengan perkara atau isu yang ditimbulkan atau diterangkan. Atas dasar inilah teknik penghujahan diperlukan untuk diterapkan secara jelas untuk mengikuti setiap tesis yang dibicarkan itu (Keraf, 2007:99). Dalam erti kata lain, terdapat satu butiran tesis atau idea pokok yang perlu dipertahankan dengan apa-apa cara sekalipun, selagi alasan yang diberikan itu menepati logik akal, serta kewarasan dan fikiran yang jelas. Proses penghujahan ini meliputi aktiviti yang bergerak secara mental yang dimulakan dengan melahirkan kenyataan tesis, mempertimbangkannya dengan bukti yang jelas dan logik dan akhirnya disimpulkan menjadi idea atau gagasan yang kukuh dan mampu diterima (Amida, 2015:88).

Dengan lahirnya beberapa alasan dan bukti yang memperkuuh sesuatu kenyataan itu, sudah pasti pendengar akan lebih tertarik untuk memahami dan menerima apa-apa nasihat atau teguran yang disampaikan (Keraf, 2007:100). Dalam pada itu, teknik penghujahan ini sering dimanfaatkan dalam setiap teks khutbah Jumaat, khususnya untuk memberikan alasan dan bukti bagi kenyataan atau idea pokok yang dikemukakan, iaitu menyelitkan beberapa ayat al-Quran dan hadis nabi berserta tafsir, maksud dan rujukan petikannya. Cara ini bukan sahaja dapat memberikan penghujahan yang kukuh terhadap sesuatu perkara atau kenyataan, tetapi juga dapat disampaikan dalam bentuk nasihat, pengajaran, teguran dan sebagainya. Hal ini boleh diteliti pada data yang diberikan. Setiap perkara yang ditegaskan itu diperkuuh dengan ayat al-Quran yang jelas dan bersesuaian dengan topik yang dibicarkan. Selain itu, terdapat beberapa

idea pokok atau tesis yang disampaikan itu telah dihujahkan dengan butiran daripada al-Quran dan hadis nabi yang diselitkan dengan pengajaran atau teguran secara langsung yang bersifat umum sebagai usaha untuk memberikan peringatan yang berpanjangan.

PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis data yang dilakukan terhadap 10 buah teks khutbah Jumaat yang disampaikan pada bulan Mac hingga Mei 2022 di Negara Brunei Darussalam, didapati bahawa terdapat empat jenis retorik yang diterapkan, iaitu pendedahan, pemujukan, penerangan dan penghujahan. Teknik penceritaan tidak ditemukan penggunaannya dalam data tersebut. Hal ini wajar kerana setiap penyampaian khutbah Jumaat itu lazimnya memerlukan butiran yang konkrit. Malah, teknik penulisannya juga tidak terlalu panjang atau berjela-jela sebagaimana yang diperlukan dalam wacana penceritaan. Namun begitu, teknik penceritaan tidak semestinya tidak diperlukan sama sekali dalam penyelarasan teks khutbah Jumaat. Malah, teknik berkenaan turut memiliki ciri dan fungsi yang tersendiri bagi menyampaikan sesuatu teguran, nasihat atau pengajaran.

Selain itu, kemahiran dalam penentuan teknik penulisan retorik yang diselaraskan dengan tema dan persoalan sesebuah wacana khutbah hendaklah dititikberatkan agar setiap butiran yang ingin disampaikan dapat mempengaruhi pendengarnya (Dewi & Haziq, 2021:1). Hal ini jelas kerana tujuan utama retorik adalah untuk mempengaruhi fikiran dan emosi pendengar agar memiliki fikiran yang serupa dengan penuturnya, selanjutnya dapat mengubah pandangan, keputusan atau persepsi pendengar atau pembaca daripada fikiran yang asal kepada fikiran yang dihasratkan oleh penutur (Amida, 2015:91). Penekanan ini bertepatan dengan prinsip penyampaian dakwah yang berkesan sebagaimana yang digariskan oleh S. Sallahuddin Sayurno seperti yang dinyatakan dalam Nor Raudah (2013:26). Prinsip ini meliputi penyampaian kebenaran, penggunaan bahasa yang santun, pengisian yang sarat dengan hikmah dan nasihat, penentuan isi dan bahasa yang bersesuaian dengan konteks audiens, penghujahan dengan cara yang baik dan pengulangan perkara penting sebagai peringatan.

Sehubungan dengan itu, teknik pemujukan perlu dimanfaatkan sepenuhnya. Teknik ini menjamin keberhasilan objektif penyampaian teks khutbah. Malah, teknik ini dapat menarik perhatian jemaah untuk terus tekun mendengar isi khutbah tanpa melakukan perkara lain. Hal

ini dikatakan demikian kerana fokus retorik tertumpu pada diri pembaca atau pendengar. Hal ini melibatkan cara penulis atau penutur mengubah persepsi, emosi dan tingkah laku pembaca atau pendengar berdasarkan kenyataan yang diberikan sehingga pembaca atau pendengar dapat berfikir dan bertindak sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak tertentu (Mohd Sidin, 1999:27).

Selanjutnya, teknik pemujukan hendaklah dilengkapi oleh teknik penerangan, pendedahan dan penghujahan. Ketiga-tiga jenis retorik ini memiliki peranan dan fungsi masing-masing dalam teks yang dihasilkan, lebih-lebih lagi dalam penyampaian teks khutbah Jumaat. Dalam erti kata lain, setiap pendedahan hendaklah sentiasa diikuti oleh sejumlah penerangan yang jelas dan bersesuaian. Setiap pendedahan dan penerangan yang berbentuk buah fikiran, fakta, dan hukum syarak pula perlu diperkujuh dengan teknik penghujahan yang hadir dengan alasan dan bukti yang sahih.

Di samping itu, pengaplikasian retorik dalam wacana bukan sahaja sebagai alat komunikasi yang memujuk audiens, tetapi mencakupi hal yang lebih luas, iaitu sebagai kaedah yang mempersoalkan sesuatu dan proses interpretasi maksud sosial dan individu (Enos & Brown, 1993:171). Selain itu, aplikasi bahasa retorik dalam wacana khutbah Jumaat mampu menjadi pemangkin kerelevan penyampaian alat dakwah ini dengan cara memperkujuh setiap peranan dan fungsi yang dibawanya melalui usaha pemantapan bahasa penyampaiannya. Semua komponen tersebut berperanan penting bagi menjamin hala tuju wacana dakwah tersebut, di samping memastikan tahap keberkesanannya terus konsisten. Strategi ini dapat menyebarluaskan butiran dakwah yang sahih dan tidak menjelaskan sensitiviti masyarakat, di samping melestarikan sistem dan cara hidup yang harmoni dan sejahtera (Dewi & Haziq, 2021:4).

KESIMPULAN

Teks khutbah Jumaat memerlukan unsur retorik agar butiran dakwah yang disampaikan dapat difahami, diterima dan diamalkan oleh jemaah tanpa menafikan atau mempersoalkannya. Kajian ini menemukan empat teknik retorik, iaitu teknik pemujukan sebagai teras utama, diikuti oleh teknik pendedahan yang seterusnya dijelaskan melalui teknik penerangan dan teknik penghujahan. Dalam erti kata lain, ketiga-tiga teknik retorik ini tidak berperanan dan berfungsi sendiri, sebaliknya saling mengukuhkan teknik antara satu teknik dengan teknik yang lain bersama-sama dengan

teknik pemujukan. Di samping itu, kajian yang dilakukan ini turut membuktikan bahawa teknik retorik ialah perkara penting dalam teks khutbah Jumaat. Penggunaan teknik retorik membolehkan setiap butiran dakwah yang diutarakan dapat mencapai objektif yang ditetapkan, di samping memberikan pengaruh yang positif kepada jemaah selaku pendengarnya. Oleh itu, penggunaan bahasa retorik perlu diperluas ke dalam pelbagai bidang yang berkaitan, khususnya untuk mempengaruhi fikiran dan tindakan khalayak (Amida, 2015:48).

PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan penghargaan kepada pihak Universiti Brunei Darussalam, khususnya Program Bahasa Melayu dan Linguistik di bawah seliaan Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS) kerana telah menyediakan kemudahan dan peralatan yang diperlukan dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Abd Ganing Laengkang. (2018). Analisis lakukan bahasa terhadap teks khutbah Jumaat negeri Selangor. *Jurnal Hal-Ehwal Islam dan Warisan Selangor*, 2(1).
- Abdul Chaer. (2013). *Pengantar semantik bahasa Indonesia*. PT Rineka Cipta.
- Abdul Rashid Daing Melebek & Amat Juhari Moain. (2010). *Sosiolinguistik dan bahasa Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Hassan. (2013). *Linguistik am siri pengajian dan pembelajaran bahasa Melayu*. PTS Professional Sdn. Bhd.
- Amida Abd. Hamid. (2015). *Retorik: Yang indah itu bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1988). *Bahasa iklan perniagaan satu kajian bahasa retorik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Nahu Melayu mutakhir edisi kelima*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dalman, M. PD. (2012). *Keterampilan menulis*. Devisi Buku Perguruan Tinggi, PT Raja Grafindo Persada.
- Dewi Samri. (2022). Pengaplikasian teori retorik moden dalam penyampaian ceramah Ustaz Kazim Elias. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 49–76.
- Dewi Samri & Haziq Aisha. (2021). Penggunaan bahasa retorik dalam pewahanaan informasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 21(2), 95–117.
- Enos, T., & Brown S. C. (1993). *Defining the new rhetorics*. Sage Publication.
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. (2021). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian edisi ketiga*. Penerbit Universiti Malaya.

- Hart, R. P. (1997). *Modern rhetorical criticism second edition*.
- Hashim Fauzy Yaacob. (2001). *Komunikasi antara manusia*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Hasnah Ibrahim. (1982). *Menulis untuk berkomunikasi*. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Irfan Maulana. (2021). *Buku panduan khutbah Jum'at untuk pemula*. Guepedia.com.
- Israr, MH. (1993). *Retorika dan dakwah Islam era moderen*. CV Firdaus.
- Japar Maidin. (2004). Khutbah Jumaat: Wadah penyampaian wawasan negara. Brunei Resources, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. http://www.bruneiresources.com/pdf/masjid_japarmaidin_khutbah_Jumaat.pdf
- Keraf, G. (1981). *Eksposisi dan deskripsi*. Nusa Indah Yayasan Kanisius.
- Keraf, G. (2007). *Argumentasi dan narasi*. PT Gramedia Pustaka Utama.
- Lim, K. H. (2007). *Pemikiran retorik barat: Sebuah pengantar sejarah*. Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Lim, K. H., & Har, W. M. (2014). *Jaringan bahasa: Logik, retorik dan globalisasi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hilmi Bakar, Fatimah Tajuddin, Rosdi Saffian & Nor Raihan Abu Bakar. (2013). Keberkesanan komunikasi dakwah: Kajian analisis kandungan terhadap teks khutbah Jumaat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Universiti Teknologi MARA Melaka.
- Mohd Sidin Ahmad Ishak. (1999). *Keterampilan menulis*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Mazlan Abu Bakar & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016). Retorik pembangunan sosioekonomi masyarakat dalam laporan media cetak. *Jurnal Linguistik*, 20(1), 10–25.
- Muhammad Tanwir Fuady. (2017). *Kedudukan hukum khutbah dalam shalat Jum'at (Analisis perbandingan antara Mazhab Syafi'i dan Mazhab Zahiri)* [Tesis Sarjana Muda], UIN Ar-Raniry Repository.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin. (2015). *Dimensi bahasa dalam agama*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abd. Hamid Mahmod. (1993). *Tatabahasa dewan edisi baharu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abd. Hamid Mahmod. (2015). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azuwan Yaakob, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Normaizura Md. Zain, & Syed Nurulakla Syed Abdullah. (2018). Penerapan retorik dalam penyampaian ceramah agama. *Jurnal Linguistik*, 22(2), 54–67.
- Nor Idayu Zulpabli & Tamar Jaya Nizar. (2011). *Persepsi pelajar Muslim di Fakulti Pendidikan terhadap kandungan khutbah Jumaat berbantuan teknologi multimedia di Masjid Sultan Ismail, UTM Skudai, Johor* [Disertasi Kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi Malaysia.

- Nor Raudah Siren. (2013). *Retorik penulisan dakwah*. Universiti Malaya. Teks khutbah Jumaat di Negara Brunei Darussalam bagi bulan Mac hingga Mei 2022. Kementerian Hal-Ehwal Ugama, Brunei. <http://kheu.gov.bn/Lists/Khutbah/ViewAll.aspx>
- Teo, K. S. (2019). *Bahasa dan masyarakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Usman, S. (1995). Metodologi khutbah dan retorika dakwah. *Al Qalam*, 10(56), 1–9.